

SOALAN NO: 508

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan mengawal selia syarikat-syarikat yang tidak mahu mengambil pekerja tempatan dan mengisi jawatan tersebut pada pekerja asing.

PR-1351- T00537

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi memastikan syarikat-syarikat terus berdaya maju, kerajaan membenarkan syarikat-syarikat dalam sektor-sektor dan subsektor tertentu yang telah dikenalpasti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan untuk menggajikan pekerja asing. Polisi semasa Kerajaan ialah penggajian pekerja asing dibenarkan terutamanya dalam kategori pekerjaan asas dan tidak melebihi 15 peratus daripada tenaga kerja negara.

2. Untuk memastikan penggajian pekerja asing ini tidak menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengawalselia pengambilan pekerja asing oleh syarikat-syarikat seperti berikut:

- i. mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem JobsMalaysia bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan mendapat maklumat dan seterusnya memohon jawatan tersebut. Setelah berpuas hati tiada pencari kerja tempatan, JTK akan memberi perakuan bahawa majikan tersebut layak untuk menggajikan pekerja asing berdasarkan kriteria-kriteria dan kuota yang ditetapkan;

- ii. menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga negara;
- iii. mengkaji semula amalan *out-sourcing* dalam penggajian bagi mengelakkan lambakan pekerja asing di dalam pasaran pekerjaan;
- iv. meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan;
- v. menggalakkan industri-industri yang berintensifkan buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi dalam operasi harian mereka serta menggiatkan lagi pelaksanaan *Industrialised Building System (IBS)* dalam industri pembinaan. Sehubungan ini, program latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang akan diperlukan oleh industri ini;
- vi. mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja serta ditempatkan di tempat-tempat tertentu seperti pekerja asing tidak dibenarkan ditempatkan sebagai *frontliners*, pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai *housekeeping* di sektor perhotelan, hanya kedi lelaki sahaja dibenarkan diambil, pekerja lelaki warga Indonesia tidak dibenarkan bekerja dalam sektor perkilangan, pekerja wanita

warga Filipina tidak dibenarkan bekerja kecuali sebagai pekhidmat domestik dan sebagainya; dan

- vii. telah mewujudkan undang-undang bagi menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana peruntukan Seksyen 60M Akta Kerja 1955.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Namun begitu, di bawah Akta Kerja 1955(Akta 265), seksyen 60M, memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama, menurut seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

4. Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan supaya majikan mematuhi peruntukan undang-undang termasuklah hak pekerja dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukan akta. Apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 boleh dikenakan bagi setiap kesalahan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB TUAN FONG KUI LIN**  
**[BUKT BINTANG]**  
**SOALAN** : **509**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah sebab sehingga sekarang laporan post-mortem oleh Jabatan Kimia ke atas Allahyarhamah Faten Hamimi binti Azhari (KP: 820302-14-5314) yang meninggal dunia pada 18.9.2016 yang telah dirujuk oleh Balai Polis Salak Selatan (rujukan F125/2016 Salak South Rpt:7272/16 pending for laboratory analysis) masih belum dikeluarkan lagi sedangkan laporan perubatan HUKM telah lama disiapkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jabatan Kimia Malaysia, sebagai agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berperanan memberi perkhidmatan analisis kimia dan sains forensik kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang Malaysia.

Dalam kes yang dibangkitkan, Jabatan Kimia Malaysia telah menerima barang kes daripada seorang anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada 19 September 2016. Analisis telah dijalankan di Makmal

Toksikologi, Bahagian Forensik, Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kimia bagi kes tersebut telah siap pada 19 Oktober 2016. Laporan serta barang kes telah dipungut kembali oleh anggota PDRM pada 8 Februari 2017.

Sekian, terima kasih.